

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**SOALAN**

**YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR [ JOHOR BAHRU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk menyemak kembali bayaran fi sebanyak RM4 (bagi setiap akuan) yang dikenakan untuk menandatangani surat akuan berkanun oleh Pesuruhjaya Sumpah.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar fi bagi perkhidmatan akuan berkanun ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* menurut seksyen 4 Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*] seperti yang berikut:

**“Fi.**

**4.** Seseorang yang membuat apa-apa akuan menurut kuasa Akta ini hendaklah membayar kepada pegawai atau Pesuruhjaya

**NO. SOALAN : 50**

yang mengambil akuan itu apa-apa fi yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.”.

Fi yang ditetapkan ini hendaklah dibayar kepada pegawai atau Pesuruhjaya Sumpah yang mengambil akuan itu (“fi akuan berkanun”). Dalam hal ini, terdapat beberapa pemberitahuan yang telah dibuat menurut seksyen 4 Akta 783 bagi maksud penetapan fi akuan berkanun seperti yang berikut:

Bil.	Pemberitahuan melalui Warta	Tarikh Kuat Kuasa	Fi	Catatan
1.	P.U.(A) 506/68 bertarikh 26hb November 1968	1hb Januari 1969	<ul style="list-style-type: none"><li>• Akuan - RM1.00</li><li>• Eksibit - RM0.70</li></ul>	Membatalkan Pemberitahuan Undangan No. 50 Tahun 1950
2.	P.U. (A) 74/73 bertarikh 1hb Mac 1973	1hb Mac 1973	<ul style="list-style-type: none"><li>• Akuan - RM2.00</li><li>• Eksibit - RM1.50</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perintah (Bayaran) Surat Akuan (Pindaan), 1973</li><li>• Meminda P.U.(A) 506/68</li></ul>
3.	P.U.(A) 78/93 bertarikh 4 Mac 1993	1hb April 1993	<ul style="list-style-type: none"><li>• Akuan – RM4.00</li><li>• Eksibit – RM2.00</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perintah (Bayaran) Surat Akuan (Pindaan), 1993</li><li>• Meminda P.U.(A) 506/68</li></ul>

## NO. SOALAN : 50

Berdasarkan jadual di atas, *Warta* terakhir bagi penetapan fi akuan berkanun dibuat pada tahun 1993 dan fi yang ditetapkan adalah sebanyak RM4.00 bagi akuan berkanun dan RM2.00 bagi eksibit dalam akuan berkanun tersebut.

Dalam hal ini, terdapat permohonan yang diterima daripada pihak Pesuruhjaya Sumpah sama ada melalui Persatuan Negeri atau daripada Majlis Pesuruhjaya Sumpah untuk menaikkan kadar fi akuan berkanun tersebut. Oleh kerana penetapan kadar fi akuan berkanun tidak dipinda semenjak 27 tahun yang lepas maka terdapat keperluan untuk kadar fi akuan berkanun di bawah P.U.(A) 78/93 tersebut disemak semula.

Sehubungan itu, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia sedang mengambil langkah untuk menyediakan kertas cadangan untuk mengkaji kadar fi tersebut dan mencadangkan kenaikan kadar fi akuan berkanun yang ditetapkan di bawah seksyen 4 Akta 783. Kertas cadangan ini akan dibincangkan dengan semua pihak dan pemegang taruh (*stakeholder*) yang berkaitan sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.